



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 302

AKTA PETROLEUM (LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN) 1984

Mengandungi pindaan terkini - Akta A807/1991

Tarikh Persetujuan Diraja :	27 Jun 1984
Tarikh diterbitkan dalam Warta :	28 Jun 1984
Tarikh mula berkuatkuasa ditetapkan :	1 Mac 1985 : Seluruh Malaysia (Bahagian I, III, IV, V, X dan XI) [P.U. (B) 96/85] 1 Julai 1986 : Seluruh Malaysia (Bahagian II, VI, VII, VIII dan IX) [P.U. (B) 279/86]

SUSUNAN SEKSYEN

Tajuk Panjang & Mukadimah.

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Seksyen 1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
Seksyen 2. Tafsiran.

BAHAGIAN II - PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI JALAN RAYA DAN KERETAPI

Seksyen 3. Penghantaran yang dibenarkan bagi petroleum melalui jalan raya atau keretapi.
Seksyen 4. Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan.
Seksyen 5. Pekerja hendaklah diberitahu mengenai peruntukan Akta dan peraturan-peraturan; kesalahan-kesalahan berkaitan.

BAHAGIAN III - PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI AIR

Seksyen 6. Pemuatan, pemunggaan dan pelepasan petroleum yang dibenarkan.
Seksyen 7. Kemasukan vesel yang membawa petroleum ke pelabuhan.
Seksyen 8. Memberitahu Inspektor tentang kedatangan vesel ke pelabuhan.
Seksyen 9. Kebenaran dari Pegawai Pelabuhan untuk memunggah atau melepaskan petroleum daripada vesel.
Seksyen 10. Memunggah atau melepaskan petroleum.
Seksyen 10A. Sekatan ke atas pemuatan, pemunggaan dan pelepasan petroleum di antara matahari masuk dengan matahari terbit
Seksyen 11. Arahan Pegawai Pelabuhan berkenaan vesel yang membawa petroleum.
Seksyen 12. Memuat atau membawa petroleum.

Seksyen 13. Berada di mana-mana pelabuhan, dll. tanpa kebenaran.

Seksyen 14. Meletakkan apa-apa petroleum di atas mana-mana pangkalan, tebing, dll.

BAHAGIAN IV - PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI UDARA

Seksyen 15. Pengangkutan petroleum melalui udara tidak dibenarkan.

BAHAGIAN V - PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI TALIAN PAIP

Seksyen 16. Membenarkan kerja talian paip.

Seksyen 17. Kerja talian paip kecemasan.

Seksyen 18. Kesalahan berhubungan dengan kerja talian paip yang tidak dibenarkan.

Seksyen 18A. Bahagian V tidak terpakai bagi pembekalan gas melalui talian paip. [Belum Berkuatkuasa]

BAHAGIAN VI - PENGENDALIAN DAN PENSTORAN PETROLEUM

Seksyen 19. Lesen penstoran petroleum dan lesen pengendalian petroleum.

Seksyen 20. Melabel bekas atau bejana yang mengandungi petroleum.

Seksyen 21. Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan dalam keadaan khas.

Seksyen 22. Notis kemalangan yang melibatkan petroleum.

Seksyen 23. Menyiasat kemalangan yang melibatkan petroleum.

Seksyen 24. Menghina orang yang menjalankan siasatan.

Seksyen 25. Perlindungan kepada orang yang menjalankan siasatan terhadap guaman.

Seksyen 26. Keterangan tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah.

Seksyen 27. Kategori petroleum yang dikecualikan.

Seksyen 27A. Bahagian VI tidak terpakai bagi pemegang lesen di bawah Akta Bekalan Gas 1993. [Belum Berkuatkuasa]

BAHAGIAN VII - PENGGUNAAN KELENGKAPAN, ALAT, BAHAN, LOJI, PERKAKAS, BANGUNAN, STRUKTUR DAN PEPASANGAN

Seksyen 28. Kelengkapan, dll. yang diluluskan dan verifikasi.

Seksyen 29. Kuasa Menteri mengubah senarai kelengkapan, dll. yang diluluskan.

Seksyen 30. Kesalahan-kesalahan.

Seksyen 31. Pemakaian Bahagian ini.

BAHAGIAN VIII - KELENGKAPAN, ALAT, BAHAN, LOJI, PERKAKAS, BANGUNAN, STRUKTUR DAN PEPASANGAN YANG SEDIA ADA

Seksyen 32. Kelengkapan, dll. dalam premis yang dilesen di bawah undang-undang yang dimansuhkan.

Seksyen 33. Pembetulan kelengkapan, dll. dalam premis berlesen.

Seksyen 34. Kesalahan-kesalahan.

BAHAGIAN IX - KUASA-KUASA AM BAGI PEMBETULAN

Seksyen 35. Kuasa-kuasa am bagi pembetulan.

BAHAGIAN X - LIABILITI

Seksyen 36. Liabiliti memverifikasikan.

BAHAGIAN XI - AM

Seksyen 37. Kuasa mewakilkan.

Seksyen 38. Perlantikan Inspektor.

Seksyen 39. Sampel dan ujian.

Seksyen 40. Kemasukan, dsb. bebas tanpa dihalang.

Seksyen 41. Liabiliti ejen dan pengkhidmat.

Seksyen 42. Pembatalan lesen, dll.
Seksyen 43. Rayuan kepada Menteri.
Seksyen 44. Kuasa Menteri memberi pengecualian.
Seksyen 45. Kuasa am membuat peraturan-peraturan.
Seksyen 46. Kuasa Menteri menetapkan tata amalan.
Seksyen 47. Fee yang dipungut.
Seksyen 48. Pemansuhan.

JADUAL

SENARAI PINDAAN

Tajuk Panjang & Mukadimah.

Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang berhubungan dengan pengangkutan, penstoran dan penggunaan petroleum dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

Akta ini bolehlah dinamakan Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh (kemudian dari ini disebut "tarikh yang ditetapkan" dalam Akta ini) yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menentukan tarikh-tarikh yang berlainan (kemudian dari ini disebut "tarikh-tarikh yang ditentukan") bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan atau mana-mana bahagian peruntukan-peruntukan Akta ini dan bagi kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang berlainan di Persekutuan, dan bagi maksud mana-mana peruntukan, kawasan atau tempat itu, apa-apa sebutan dalam mana-mana peruntukan Akta ini mengenai tarikh yang ditetapkan itu hendaklah diertikan sebagai sebutan mengenai tarikh yang ditentukan itu.

2. Tafsiran.

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

[*Pin. Akta A807: s.2*]

"eksport" - [*dipotong oleh Akta A807: s. 2*]

"import" - [*dipotong oleh Akta A807: s. 2*]

"Inspektor" ertinya seseorang Inspektor Petroleum yang dilantik di bawah seksyen 38;

"keluaran-keluaran petroleum" ertinya semua bahan yang diperolehi daripada petroleum sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual;

[*Gan. Akta A807: s.2*]

"kerja-kerja talian paip" ertinya dari apa-apa jenis yang berikut:

(a) meletakkan talian paip atau sekian panjang talian paip, memeriksa, menyenggara, menyelaraskan, membaiki, mengubah atau membaharui sesuatu talian paip atau sekian panjang talian paip, menukar kedudukan talian paip atau sekian panjang talian paip, atau memindahkan sesuatu talian paip atau sekian panjang talian paip di pantai atau di luar pantai; dan

(b) memecah atau membuka tanah bagi maksud kerja-kerja yang tersebut dalam perenggan tersebut dahulu dan membuat tembusan atau menggerek bagi maksud-maksud itu dan lain-

lain kerja yang dikehendaki bagi atau bersampingan dengan maksud-maksud itu di pantai atau di luar pantai;

[Mas. Akta A807: s.2]

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab mengenai petroleum;

"nakhoda" ertinya mana-mana orang kecuali malim, yang berkuasa atau bertanggungjawab ke atas mana-mana kapal;

"pegawai pelabuhan" ertinya pegawai pelabuhan sebagaimana ditakrifkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [70/52], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah [Ord. Sabah 11/60.] dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak [Ord. Swk. 2/60.];

"pelabuhan" ertinya –

(a) sesuatu pelabuhan atau tempat yang diisytiharkan sebagai suatu pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/52];

(b) suatu tempat yang ditetapkan sebagai suatu pelabuhan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah [Sabah Ord. 11/60], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak [Sarawak Ord. 2/60] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

(c) kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu manjadi Port Persekutuan 1979 menjadi Port Bintulu;

[Mas. Akta A807: s.2]

"Pemeriksa Kapal-Kapal" ertinya Pemeriksa Kapal-Kapal yang dilantik di bawah seksyen 10 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, seksyen 130 Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sabah dan seksyen 130 Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 bagi Sarawak; dan hendaklah termasuk Ketua Pemeriksa Kapal-Kapal;

"pemunya" termasuk mana-mana orang yang kepadanya diberi keempunyaan, kekuasaan atau hakmilik mengenai harta dan "pemunya" berhubungan dengan sesuatu vesel termasuklah seorang pencatar;

"penduduk" ertinya mana-mana orang yang sebenarnya menggunakan atau menduduki premis atau sebahagian daripadanya;

"pengangkutan" ertinya perbuatan membawa petroleum dari sesuatu tempat atau vesel ke mana-mana tempat atau vesel lain dengan apa-apa cara atau bentuk pengangkutan seperti di darat, udara dan air dan termasuklah penghantaran melalui talian paip, kedua-duanya di pantai atau di luar pantai, atas tanah atau di bawah tanah, dalam air atau di bawah air;

"pengendali" ertinya mana-mana orang yang menjalankan sesuatu urusan atau pengendalian tertentu sama ada secara langsung atau melalui ejen;

"pengendalian" termasuklah perbuatan menyentuh, merasa, mencengkam, memindahkan atau menuang dengan tangan atau dibantu dengan apa-apa cara;

"penggunaan" ertinya perbuatan menggunakan atau fakta sebagai digunakan dan termasuklah memudahkan atau melaksanakan apa-apa perbuatan tersebut yang melibatkan petroleum atau keluaran petroleum;

"penstoran" termasuk pemprosesan, pembahagian, atau pemindahan petroleum; perbuatan meletakkan dalam stor, atau menyusun di sesuatu tempat atau dalam sesuatu pesawat udara, kenderaan motor, trailer motor atau vesel;

"petroleum" ertinya apa-apa minyak mineral atau hidrokarbon relatif dan gas asli yang terdapat dalam keadaan semula jadinya dan casinghead petroleum spirit termasuk batu syel bitumen dan lain-lain

mendapan yang berlapis yang darinya minyak boleh diperolehi, termasuk keluaran-keluaran petroleum;

"petroleum Kelas I" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala di bawah 37.8°C;

"petroleum Kelas IA" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala di bawah 22.8°C dan mempunyai titik didih di bawah 37.8°C;

"petroleum Kelas IB" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala di bawah 22.8°C dan mempunyai titik didih pada atau lebih tinggi daripada 37.8°C;

"petroleum Kelas IC" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala pada atau lebih tinggi daripada 22.8°C dan di bawah 37.8°C;

"petroleum Kelas II" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala pada atau lebih tinggi daripada 37.8°C dan di bawah 60°C;

"petroleum Kelas III" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala pada atau lebih tinggi daripada 60°C,.

"petroleum Kelas IIIA" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala pada atau lebih tinggi daripada 60 C dan di bawah 93.4°C;

"petroleum Kelas IIIB" ertinya petroleum yang mempunyai titik nyala pada atau lebih tinggi daripada 93.4°C,

"petroleum pukal" ertinya suatu kargo homogen petroleum yang distor dalam tangki aliran bebas dan dikehendaki supaya dikendalikan secara mengepam atau melalui aliran graviti;

"pihak berkuasa tempatan" atau "pihak berkuasa" ertinya "pihak berkuasa tempatan" sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak atau Perbandaran [Bab 117.] yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbandaran Kuching bagi Negeri Sarawak [Bab 116.] dan "pihak berkuasa" sebagaimana ditakrifkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 bagi Negeri Sabah [Ord. Sabah 11/61.];

"premis berlesen" ertinya premis yang mengenainya terdapat lesen bagi menstor dan mengendalikan petroleum;

[Pin. Akta A807: s.2]

"sistem bahan api gas petroleum cair" ertinya sesuatu pasangan yang mengandungi satu atau lebih bekas-bekas yang mempunyai cara untuk menghantar gas petroleum cair dari bekas-bekas itu ke alat pembahagi atau penggunaan (sama ada berterusan atau terhenti-henti) dan yang menyatukan komponen-komponen yang dimaksudkan untuk mendapatkan pengawalan kuantiti, pengaliran, tekanan atau keadaan (sama ada cecair atau wap);

"talian paip" ertinya semua bahagian kemudahan-kemudahan fizikal yang melaluinya petroleum digerakkan dalam pengangkutan termasuk paip, injap dan lain-lain perkakas yang dipasangkan kepada paip, pam, unit pemampat, meter, pengatur dan pasangan-pasangan berangka;

"tata amalan" ertinya suatu dokumen yang menetapkan amalan-amalan yang disyorkan bagi rekabentuk, pengilangan, pembentukan, penyenggaraan atau penggunaan kelengkapan, pemasangan, struktur atau keluaran dan tersebut dalam seksyen 46;

"tempat berlabuh petroleum" ertinya suatu tempat yang ditetapkan sebagai tempat berlabuh petroleum melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

[Mas. Akta A807: s.2]

"tempat berlabuh petroleum berbahaya" ertinya - [dipotong oleh Akta A807: s. 2]

"vesel" termasuklah setiap jenis vesel sama ada didorong oleh jentera atau layar, hulk, jong, bot, sampan atau apa-apa jenis kraf yang digunakan untuk membawa orang atau benda melalui air atau untuk penstoran.

(2) Menteri boleh melalui perintah meminda, mengubah, memotong daripada atau menambah kepada Jadual.

[Mas. Akta A807: s.2]

BAHAGIAN II PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI JALAN RAYA DAN KERETAPI

3. Penghantaran yang dibenarkan bagi petroleum melalui jalan raya atau keretapi.

Tiada seseorang boleh menghantar apa-apa petroleum melalui jalan raya atau keretapi kecuali mengikut Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

4. Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan.

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengangkutan petroleum dengan selamat melalui jalan raya atau keretapi dan bagi menjaga keselamatan orang dan harta daripada bahaya berkaitan dengan pengangkutan sedemikian dan khususnya, bagi mengawal dan membenarkan woksyp-woksyp bagi penukaran, pemasangan, penyesuaian dan penambahan apa-apa sistem bahan bakar gas petroleum cair bagi kenderaan motor.

5. Pekerja hendaklah diberitahu mengenai peruntukan Akta dan peraturan-peraturan; kesalahan-kesalahan berkaitan.

(1) Pemunya atau pengendali sesuatu kenderaan yang digunakan untuk menghantar petroleum melalui jalan raya hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil kerja olehnya berkaitan dengan penghantaran petroleum dalam kenderaan itu tahu tentang peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan tersebut.

(2) Jika mana-mana orang melanggar mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada seribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya, sabitan itu direkodkan:

Dengan syarat bahawa mengenai sesuatu pelanggaran mana-mana peruntukan Bahagian ini atau apa-apa kehendak mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini berhubungan dengan petroleum Kelas IA atau Kelas IB, mana-mana orang yang melakukan kesalahan itu apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

[Pin. Akta A663: s.2]

BAHAGIAN III PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI AIR

6. Pemuatan, pemunggaan dan pelepasan petroleum yang dibenarkan.

[Gan. Akta A807: s.3]

(1) Tiada apa-apa petroleum boleh dimuatkan atau dipungguh atau dilepaskan kecuali di suatu pelabuhan, atau di suatu tempat lain yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

[Pin. Akta A807: s.3]

(2) Menteri boleh, berkenaan dengan mana-mana tempat yang ditetapkan olehnya di bawah subseksyen (1), melantik mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menjalankan kuasa-kuasa dan menunaikan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi pegawai pelabuhan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

[Gan. Akta A807: s.3]

7. Kemasukan vesel yang membawa petroleum ke pelabuhan.

[Pin. Akta A807:s.4]

(1) Tiada sesuatu vesel yang bermuat dengan petroleum sebagai kargo boleh memasuki had mana-mana pelabuhan, kecuali bagi maksud-maksud menuju terus ke tempat berlabuh petroleum atau ke suatu tempat lain yang dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan seksyen ini, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran pegawai pelabuhan itu secara bertulis.

[Pin. Akta A807: s.4]

(2) Sesuatu kebenaran yang diberi oleh pegawai pelabuhan di bawah seksyen ini hendaklah mengandungi apa-apa syarat yang dalam hal keadaan kes itu difikirkannya munasabah.

(3) Nakhoda vesel yang memasuki mana-mana pelabuhan dengan melanggar seksyen ini, atau mana-mana syarat kebenaran itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan boleh disita dan boleh dikena lucuthak.

8. Memberitahu Inspektor tentang kedatangan vesel ke pelabuhan.

(1) Nakhoda mana-mana vesel yang membawa petroleum atau pengimport, konsaini atau pemunya mana-mana petroleum yang dibawa sebagai kargo dalam mana-mana vesel hendaklah, apabila sahaja vesel itu tiba di pelabuhan, kecuali jika pemunya atau ejen vesel itu telah terlebih dahulu berbuat demikian, memberitahu Inspektor tentang ketibaan vesel itu di pelabuhan dan hendaklah menyertakan dalam pemberitahuan itu apa-apa butir lain sebagaimana perlu untuk membolehkan petroleum itu diperiksa dengan sewajarnya.

[Pin. Akta A807: s.5]

(2) Jika sekiranya subseksyen (1) dilanggari, nakhoda, pemunya dan ejen vesel itu adalah masing-masing melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh masing-masing dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

9. Kebenaran dari Pegawai Pelabuhan untuk memungghah atau melepaskan petroleum daripada vesel.

[Pin. Akta A807: s.6]

(1) Tiada apa-apa petroleum boleh dipungghah atau dilepaskan daripada mana-mana vesel kecuali dengan kebenaran pegawai pelabuhan dan mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam kebenaran itu dan di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam kebenaran itu.

[Gan. Akta A807: s.6]

(2) *[Dipotong oleh Akta A807/91: s.6]*

(3) Mana-mana orang yang memungghah atau melepaskan apa-apa petroleum atau membenarkannya dipungghah atau dilepaskan dengan melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit, dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan boleh disita dan boleh dikena lucuthak.

[Pin. Akta A807: s.6]

10. Memungghah atau melepaskan petroleum.

[Gan. Akta A807: s.7]

(1) Seseorang yang mempunyai jagaan atau kawalan ke atas apa-apa petroleum yang tersebut di bawah seksyen 8 hendaklah memungghah atau melepaskan dan menstor petroleum itu dalam premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 19 dengan seberapa segera yang boleh selepas diberi kebenaran yang tersebut di dalam seksyen itu.

[Pin. Akta A807: s.7]

(2) *[Dipotong oleh Akta A807: s.7]*

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan boleh disita dan boleh dikena lucuthak.

[Pin. Akta A807: s.7]

10A. Sekatan ke atas pemuatan, pemungghahan dan pelepasan petroleum di antara matahari masuk dengan matahari terbit

(1) Tiada apa-apa petroleum boleh dimuatkan atau dipungghah atau dilepaskan di antara matahari masuk dengan matahari terbit kecuali dengan kebenaran pegawai pelabuhan:

Dengan syarat bahawa peruntukan ini tidaklah terpakai bagi pemuatan atau pemungghahan atau pelepasan petroelum itu secara pukal daripada mana-mana vesel dan terus kepada atau daripada mana-mana pemasangan di pantai.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan hendaklah disita dan boleh dikena lucuthak.

[Mas. Akta A807:s.8]

11. Arahan Pegawai Pelabuhan berkenaan vesel yang membawa petroleum.

[Pin. Akta A807/91: s.9]

(1) Mana-mana vesel yang bermuat dengan petroleum sebagai kargo, sama ada ianya dimaksudkan untuk dipunggah atau dilepaskan atau dipindahkapal atau cuma melalui sesuatu pelabuhan atau telah dimuatkan di pelabuhan itu hendaklah, apabila diperintahkan berbuat demikian oleh pegawai pelabuhan, menuju terus ke mana-mana tempat berlabuh yang diarahkan oleh pegawai pelabuhan itu di dalam atau di luar had pelabuhan tersebut.

[Pin. Akta A807/91: s.9]

(2) Jika mana-mana perintah sedemikian tidak dipatuhi, nakhoda kapal itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

12. Memuat atau membawa petroleum.

Pin. Akta A807: s.10]

(1) Tiada sesuatu vesel boleh memuatkan atau membawa petroleum, sama ada dalam ruang muatan atau di atas geladak, kecuali mengikut syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

[Pin. Akta A807: s.10]

(2) Jika apa-apa petroleum dimuatkan atau dibawa dalam mana-mana vesel dengan melanggar seksyen ini, pemunya, nakhoda dan ejen vesel itu adalah masing-masing melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit.

[Pin. Akta A807: s.10]

13. Berada di mana-mana pelabuhan, dll. tanpa kebenaran.

(1) Tiada sesuatu vesel yang bermuat dengan petroleum Kelas I atau Kelas II sebagai kargo, sama ada bagi pengangkutan atau penstoran, boleh berada di mana-mana pelabuhan (kecuali di sesuatu tempat berlabuh petroleum) atau di sesuatu tempat yang dikecualikan di bawah seksyen 44, atau di mana-mana sungai, terusan atau caruk selama sesuatu masa yang lebih lama daripada yang semunasabahnya perlu untuk memuatkan atau memunggah atau melepaskan petroleum melainkan jika telah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pegawai pelabuhan.

[Gan. Akta A807: s.11]

(2) Vesel, yang penggerakannya diperolehi melalui petroleum Kelas I atau Kelas II, tidaklah boleh tertakluk kepada seksyen ini jika bejana atau bekas bagi penstoran kelas-kelas petroleum itu diluluskan oleh Pemeriksa Kapal-Kapal.

[Pin. Akta A807: s.11]

(3) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

14. Meletakkan apa-apa petroleum di atas mana-mana pangkalan, tebing, dll.

[Pin. Akta A807: s.12]

(1) Tiada seseorang boleh menempatkan atau membenarkan terus berada di mana-mana pangkalan, tebing atau lain-lain tempat apa-apa petroleum selama sesuatu masa yang lebih lama daripada yang semunasabahnya perlu bagi memuatkan atau memungghanya, berkaitan dengan pengangkutannya, dan tidak sekali-kali di antara matahari masuk dan matahari terbit.

[Pin. Akta A807: s.12]

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

BAHAGIAN IV PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI UDARA

15. Pengangkutan petroleum melalui udara tidak dibenarkan.

Tiada apa-apa petroleum selain dari petroleum yang digunakan semata-mata bagi maksud penggerakan pesawat udara itu boleh diangkut dalam mana-mana pesawat udara kecuali dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Menteri.

BAHAGIAN V PENGANGKUTAN PETROLEUM MELALUI TALIAN PAIP

16. Membenarkan kerja talian paip.

(1) Adalah salah di sisi undang-undang bagi mana-mana orang mengusahakan apa-apa kerja talian paip yang akan dilaksanakan dalam atau atas tanah, atas permukaan atau di bawah air, di pantai atau di luar pantai kecuali di bawah kebenaran yang diberi oleh Menteri, atau selain daripada di sepanjang laluan yang ditanda atas peta yang dilampirkan dengan kebenaran itu atau dalam sesuatu sempadan lengungan sisi daripada laluan itu sebagaimana ditetapkan dalam kebenaran itu, atau oleh seseorang lain daripada orang yang dinamakan dalam kebenaran itu.

(2) Menteri mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan untuk kebenaran kerja-kerja talian paip di bawah subseksyen (1).

(3) *[Dipotong oleh Akta A807: s.13]*

(4) Jika, selepas suatu kebenaran kerja-kerja talian paip diberi dan kerja-kerja yang dibenarkan sedemikian itu telah tidak dimulakan dengan secukupnya pada habis tempoh dua belas bulan dari tarikh kebenaran itu diberi atau pada habis tempoh apa-apa perlanjutan tempoh yang dibenarkan oleh Menteri, kebenaran itu tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa, kecuali berkenaan dengan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dahulu.

17. Kerja talian paip kecemasan.

(1) Kerja-kerja talian paip yang dikehendaki untuk mengakhiri keadaan bahaya yang wujud atau untuk mencegah keadaan bahaya yang hampir berlaku kepada nyawa dan harta atau untuk mencegah gangguan yang serius terhadap penghantaran petroleum melalui talian paip boleh dilaksanakan tanpa kebenaran di bawah seksyen 16:

Dengan syarat bahawa Menteri diberitahu mengenai kerja-kerja itu dalam tempoh dua puluh empat jam dari permulaan kerja itu dan satu salinan peta yang menunjukkan laluan kerja-kerja talian paip dan detail-detail kerja itu dikemukakan kepada Menteri dengan seberapa segera yang praktik.

(2) Jika Menteri berpuas hati bahawa kerja-kerja talian paip yang dilaksanakan menurut seksyen ini tidak memenuhi langkah-langkah keselamatan dan piawaian yang boleh dikuatkuasakan di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau laluan yang diambil tidak mendatangkan faedah bagi keselamatan nyawa atau harta, dia boleh menghendaki pembedulannya dalam tempoh masa sebagaimana dinyatakan olehnya secara bertulis.

18. Kesalahan berhubung dengan kerja talian paip yang tidak dibenarkan.

Mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar seksyen 17 dan mana-mana peraturan yang dibuat bagi maksud Bahagian ini atau apa-apa kebenaran yang diberi di bawah seksyen 16 atau kehendak-kehendak bagi pembedulan di bawah subseksyen (2) seksyen 17, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan mengenai kesalahan yang berterusan, dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

BAHAGIAN VI PENGENDALIAN DAN PENSTORAN PETROLEUM

19. Lesen penstoran petroleum dan lesen pengendalian petroleum.

[Gan. Akta A807:s.14]

(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, tiada seorang pun boleh menstor atau mengendalikan apa-apa petroleum melainkan jika dia ialah pemegang lesen penstoran petroleum yang sah atau lesen pengendalian petroleum yang sah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diberi di bawah Akta ini yang membenarkan penstoran atau pengendalian petroleum dan memperuntukkan bahawa petroleum itu hendaklah distor atau dikendalikan mengikut apa-apa syarat, jika ada, sebagaimana yang terdapat pada lesen itu.

[Mas. Akta A807: s.14]

(1A) Subseksyen (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana orang yang bertindak dengan sah di bawah pengawasan atau arahan seseorang yang memiliki lesen pengendalian petroleum yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

[Mas. Akta A807: s.14]

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, Menteri dengan ini memberi kuasa kepada orang-orang yang berikut untuk memberi atau menolak lesen penstoran petroleum atau pengendalian petroleum di bawah seksyen ini:

[Pin. Akta A807: s.14]

(a) berkenaan dengan mana-mana kawasan di bawah suatu pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa mengenai Sabah, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa itu; dan

(b) berkenaan dengan mana-mana kawasan lain daripada kawasan-kawasan yang tersebut di bawah perenggan (a), orang-orang yang diberi kuasa oleh Menteri dengan perintah.

(3) Bagi maksud pemakaian subseksyen (2) kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, "Pihak Berkuasa Negeri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan.

[Gan. Akta A807: s.14]

(4) Penduduk mana-mana premis di mana petroleum ada distor atau dikendalikan yang melanggar seksyen ini atau apa-apa syarat lesen penstoran petroleum atau pengendalian petroleum yang diberikan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sebanyak dua ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang pelanggaran itu berlaku atau berterusan dan apa-apa petroleum, dan apa-apa alatan, perkakas atau bekas dalam mana ianya terkandung boleh disita dan boleh dikena lucuthak.

[Pin. Akta A807: s.14]

(5) Suatu lesen penstoran petroleum atau pengendalian petroleum yang diberi di bawah seksyen ini hendaklah berkuatkuasa bagi masa-masa sebagaimana dinyatakan dalam lesen itu dan hendaklah mengandungi apa-apa syarat sebagaimana perlu, khususnya, syarat-syarat mengenai cara penstoran, jenis dan keadaan premis dalam mana, dan jenis barang-barang yang dengannya, petroleum hendak distor cara mengendalikan petroleum, kemudahan-kemudahan menguji petroleum dari semasa ke semasa dan amnya mengenai jagaan selamat petroleum.

[Pin. Akta A807: s.14]

(6) Jika syarat-syarat yang hendak dipatuhi oleh seseorang yang diambil kerja dikenakan kepada mana-mana lesen penstoran petroleum atau pengendalian petroleum tersebut, penduduk premis yang dimaksudkan oleh lesen itu hendaklah menyebabkan supaya sentiasa ditempelkan di premis itu, dalam suatu bentuk dan di suatu tempat supaya mudah dibaca oleh orang-orang yang diambil kerja di premis itu, suatu notis menyatakan syarat-syarat itu, dan -

[Pin. Akta A807: s.14]

(a) jika penduduk mana-mana premis itu tidak mematuhi kehendak-kehendak tersebut di atas dalam subseksyen ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit dan denda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kegagalan itu berlaku berterusan;

(b) jika mana-mana orang menurunkan, merosakkan, atau mencacatkan apa-apa notis yang ditempel mengikut kehendak-kehendak subseksyen ini, dia boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit; dan

(c) jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh penduduk itu melanggar apa-apa syarat yang baginya notis telah diberi mengikut kehendak-kehendak subseksyen ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

20. Melabel bekas atau bejana yang mengandungi petroleum.

(1) Tertakluk sebagaimana diperuntukkan kemudian dari ini, jika apa-apa petroleum -

[Pin. Akta A807:s.15]

(a) disimpan di mana-mana tempat; atau

(b) dihantar atau dibawa di antara mana-mana dua tempat di Malaysia; atau

(c) dijual atau didedahkan atau ditawarkan untuk jualan,

maka hendaklah dilampirkan pada, atau jika ianya tidak praktik, dipamerkan berhampiran dengan, bekas atau bejana yang mengandungi petroleum itu, suatu label yang menunjukkan apa-apa

maklumat atau perihalan sebagaimana ditetapkan oleh peraturan-peraturan termasuklah yang berikut

- (i) mengenai petroleum yang disimpan, nama dan alamat konsaini atau pemunya;
- (ii) mengenai petroleum yang dihantar atau dibawa, nama dan alamat penghantar; dan
- (iii) mengenai petroleum yang dijual atau didedahkan atau ditawarkan untuk jualan, nama dan alamat penjual.

(2) Mana-mana orang yang menyimpan, menghantar, membawa, menjual atau mendedahkan atau menawarkan untuk jualan apa-apa petroleum dengan melanggar seksyen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dilakukan dan mana-mana vesel yang mengandungi petroleum itu boleh disita dan boleh dikena lucuthak atau dibuat sesuatu mengenainya mengikut apa-apa cara sebagaimana difikirkan patut oleh mahkamah.

21. Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan dalam keadaan khas.

(1) Jika Menteri berpuas hati bahawa apa-apa kelas petroleum yang, disebabkan oleh jenisnya atau apa-apa bahan jika dicampurkan dengannya, berkemungkinan menjejaskan keselamatan atau membencanakan kesihatan sama ada secara umum atau mengenai mana-mana kelas orang, dia boleh membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya sebagai semunasabahnya praktik untuk mematuhi keperluan kes itu.

(2) Jika mana-mana orang melanggar atau cuba melanggar mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit dan denda tambahan sebanyak seribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu diteruskan dan petroleum yang berkenaan dengannya kesalahan itu dilakukan dan mana-mana vesel yang mengandungi petroleum itu boleh disita dan boleh dikena lucuthak atau dibuat sesuatu mengenainya mengikut apa-apa cara sebagaimana difikirkan patut oleh mahkamah.

22. Notis kemalangan yang melibatkan petroleum.

(1) Apabila apa-apa kemalangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa atau bencana diri berlaku disebabkan oleh letupan atau oleh kebakaran dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis berlesen, penduduk premis itu hendaklah, jika letupan atau kebakaran itu melibatkan petroleum, dalam tempoh dua puluh empat jam dari kemalangan itu, menghantar atau menyebabkan dihantar kepada Menteri notis mengenai kemalangan dan mengenai kehilangan nyawa atau bencana diri itu.

(2) Jika mana-mana penduduk yang tersebut di atas tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

23. Menyiasat kemalangan yang melibatkan petroleum.

(1) Setelah menerima suatu notis di bawah subseksyen (1) seksyen 22, atau sekiranya suatu notis dikehendaki dihantar atau disebabkan dihantar tetapi tidak dibuat, maka Menteri boleh melalui perintah mengarahkan mana-mana orang supaya mengadakan suatu siasatan ke atas sebab-sebab berlakunya kemalangan itu, bagaimana pun tanpa menyentuh kuasa Menteri untuk membuat suatu perintah yang seumpama itu berkenaan dengan apa-apa kemalangan lain yang melibati petroleum, jika difikirkannya patut berbuat demikian.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang itu juga seperti tersebut dalam subseksyen (1) atau melalui mana-mana perintah yang berikutnya, melantik mana-mana orang atau orang-orang yang mempunyai pengetahuan undang-undang atau pengetahuan khas untuk membantu orang yang dilantik sedemikian di bawah subseksyen (1) supaya mengadakan siasatan.

(3) Mana-mana orang yang menjalani suatu siasatan di bawah seksyen ini boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, membuka siasatan itu atau mana-mana bahagian dari siasatan itu kepada orang ramai dan hendaklah menjalankan siasatan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa keadaan sebagaimana yang difikirkannya paling berkesan bagi menentukan sebab-sebab dan hal-hal keadaan kemalangan itu, dan bagi membolehkannya membuat laporan kepada Menteri.

(4) Apabila bertindak menurut subseksyen (3), orang itu boleh –

(a) mensaman mana-mana orang untuk hadir di hadapannya di sesuatu pembicaraan untuk memberi keterangan dan untuk mengemukakan apa-apa dokumen (jika ada) sebagaimana tersebut dalam saman itu; dan

(b) di pembicaraan yang tersebut dalam perenggan (a) memberi keterangan atas sumpah atau pengakuan dan bagi maksud itu, dia boleh –

(i) menghendaki seseorang yang hadir di pembicaraan itu memberi keterangan, sama ada dengan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan; dan

(ii) mengendalikan sumpah atau pengakuan kepada seseorang yang hadir sedemikian itu.

(5) Jika orang yang mengadakan siasatan itu berpuas hati bahawa –

(a) orang yang disampaikan kepadanya saman supaya hadir sebagai saksi di sesuatu pembicaraan menurut perenggan (a) subseksyen (4), tanpa alasan yang munasabah, tidak hadir sebagaimana dikehendaki; atau

(b) orang yang hadir sebagai saksi di pembicaraan di hadapannya telah, tanpa alasan yang munasabah –

(i) apabila dikehendaki menurut perenggan (b) subseksyen (4) sama ada untuk mengangkat sumpah atau membuat pengakuan;

(ii) apabila dikehendaki olehnya menjawab sesuatu soalan di pembicaraan itu; atau

(iii) apabila dikehendaki mengemukakan sesuatu dokumen oleh suatu saman di bawah Akta ini yang disampaikan kepadanya seperti ditetapkan,

enggan atau tidak mematuhi kehendak-kehendak itu, dia boleh, melalui suratcara secara bertulis, memperakukan ketidakhadiran atau keengganan atau tidak mematuhi kehendak itu, mengikut mana yang berkenaan, kepada Mahkamah Tinggi.

(6) Apabila suatu perakuan diberi di bawah subseksyen (5), Mahkamah Tinggi boleh menyiasat kes itu dan, jika ia berpuas hati bahawa orang yang dimaksudkan oleh perakuan itu, tanpa alasan yang munasabah, tidak hadir atau enggan mematuhi kehendak sebagaimana tersebut dalam perakuan itu –

(a) boleh memerintahkan orang itu supaya hadir atau supaya mematuhi kehendak itu di suatu pembicaraan di hadapan orang yang mengadakan siasatan tersebut pada masa dan tempat yang dinyatakan dalam perintah itu; atau

(b) boleh menghukum orang itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia bersalah menghina Mahkamah itu, dan jika difikirkannya patut, boleh juga membuat suatu perintah di bawah perenggan (a).

24. Menghina orang yang menjalankan siasatan.

(1) Tiada seorangpun boleh -

(a) menghina mana-mana orang yang mengadakan sesuatu siasatan di bawah seksyen 23 dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya sebagai orang yang sedemikian di pembicaraan yang dijalankan olehnya;

(b) mengacau-ganggu sesuatu pembicaraan di hadapan mana-mana orang yang mengadakan siasatan; atau

(c) melakukan apa-apa perbuatan lain yang, jika orang yang mengadakan siasatan itu adalah suatu mahkamah, menjadikannya menghina mahkamah.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

25. Perlindungan kepada orang yang menjalankan siasatan terhadap guaman.

(1) Mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 23 tidak boleh dikenakan sesuatu tindakan atau lain-lain prosiding ganti rugi kerana atau berhubungan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan atau berupa sebagai pelaksanaan apa-apa fungsi di bawah Akta ini.

(2) Seseorang peguambela dan peguamcara atau orang lain yang hadir bagi pihak seseorang di pembicaraan yang dijalankan di bawah seksyen 23 mempunyai perlindungan dan imuniti yang sama seperti peguambela dan peguamcara yang hadir bagi suatu pihak dalam prosiding di Mahkamah Tinggi.

(3) Tertakluk kepada Akta ini, seseorang yang disaman supaya, menghadiri atau hadir di pembicaraan itu sebagai saksi mempunyai perlindungan yang sama seperti seorang saksi dalam prosiding di Mahkamah Tinggi.

26. Keterangan tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah.

Tiada apa-apa keterangan yang diambil di bawah Akta ini boleh diterima dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah terhadap orang yang memberi keterangan itu, kecuali jika, orang itu dipertuduh memberi atau merekapalsu keterangan palsu.

27. Kategori petroleum yang dikecualikan.

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Bahagian ini kecuali peruntukan-peruntukan seksyen 23, 24, 25 dan 26 boleh dipakai bagi penstoran dan pengendalian petroleum dalam hal-hal yang berikut -

(a) 95 liter atau kurang petroleum Kelas IA;

(b) 450 liter atau kurang petroleum Kelas IB, IC, Kelas II atau III;

(c) 225 liter atau kurang petroleum Kelas IB, IC, Kelas II atau Kelas III dalam tangki mudalih;

(d) bekalan bagi satu hari atau kurang bagi kegunaan perindustrian; dan

(e) 50 kilogram atau kurang gas petroleum cair dalam silinder yang menunggu untuk digunakan dalam premis domestik:

Dengan syarat bahawa bekas atau bejana dalam mana petroleum itu distor hendaklah tertakluk kepada mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya berhubung dengan rekabentuk dan spesifikasi bekas atau bejana itu.

BAHAGIAN VII PENGGUNAAN KELENGKAPAN, ALAT, BAHAN, LOJI, PERKAKAS, BANGUNAN, STRUKTUR DAN PEPASANGAN

28. Kelengkapan, dll. yang diluluskan dan verifikasi.

(1) (a) Walau apa pun peruntukan-peruntukan Akta ini, tetapi tertakluk kepada seksyen 32, Menteri, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengisytiharkan bahawa mana-mana kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan berkaitan dengan penstoran, pengendalian, pengangkutan dan penggunaan petroleum tidak boleh digunakan atau dijual atau ditawarkan untuk dijual melainkan jika apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya adalah dari jenis yang diluluskan.

(b) "Jenis yang diluluskan" ertinya apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya dari rekabentuk dan spesifikasi yang serupa sebagaimana yang dinyatakan dalam senarai kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kelengkapan yang telah diuji dan didapati selamat dan sesuai bagi kegunaan tersebut dan sebagaimana diubahsuai, diubah atau dipinda dari semasa ke semasa di bawah seksyen 29.

(2) Bagi maksud memastikan pematuhan wajar seksyen ini, orang itu atau pihak berkuasa yang dinyatakan dalam perintah itu boleh menjalankan apa-apa ujian atau apa-apa cara pemverifikasian sebagaimana disifatkan perlu ke atas mana-mana kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya dalam mana-mana premis.

(3) (a) Selepas ujian atau pemverifikasian itu dijalankan di bawah subseksyen (2), suatu perakuan berkenaan dengan kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya termasuk rekabentuk dan spesifikasinya hendaklah dikeluarkan.

(b) Suatu perakuan yang tersebut di bawah perenggan (a) hendaklah menyatakan detail mengenai ujian atau pemverifikasian yang dijalankan dan hendaklah termasuk keputusan-keputusannya.

29. Kuasa Menteri mengubah senarai kelengkapan, dll. yang diluluskan.

(1) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menjejaskan kuasa Menteri untuk mengubahsuai, mengubah atau meminda apa-apa senarai kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya (termasuk rekabentuk dan spesifikasinya) dalam perisytiharan yang tersebut di bawah perenggan (a) subseksyen (1) seksyen 28 jika dia berpuas hati bahawa apa-apa pengubahsuaian, perubahan atau pemindaan adalah perlu bagi keselamatan nyawa atau harta.

(2) Jika akibat dari apa-apa pengubahsuaian, perubahan atau pemindaan yang tersebut di bawah subseksyen (1), kegunaan apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan

pepasangan yang telah diluluskan dahulunya atau mana-mana bahagiannya menjadi berlawanan dengan seksyen 28, tiada apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya boleh digunakan melainkan jika diperbetulkan mengikut kehendak-kehendak pengubahsuaian, perubahan atau pemindaan itu dan tertakluk kepada apa-apa tempoh pembetulan sebagaimana dibenarkan oleh Menteri.

30. Kesalahan-kesalahan.

Mana-mana orang yang menggunakan, menjual atau menawarkan untuk dijual apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya dengan melanggar seksyen 28 atau subseksyen (2) seksyen 29 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sebanyak dua ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

31. Pemakaian Bahagian ini.

(1) Peruntukan-peruntukan Bahagian ini adalah terpakai bagi kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan bagi maksud-maksud perdagangan atau perindustrian.

(2) Berhubungan dengan kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan bagi maksud-maksud domestik, peruntukan-peruntukan Bahagian ini adalah terpakai hanya bagi orang-orang yang menjual atau menawarkan untuk dijual apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan sedemikian atau mana-mana bahagiannya.

BAHAGIAN VIII KELENGKAPAN, ALAT, BAHAN, LOJI, PERKAKAS, BANGUNAN, STRUKTUR DAN PEPASANGAN YANG SEDIA ADA

32. Kelengkapan, dll. dalam premis yang dilesen di bawah undang-undang yang dimansuhkan.

(1) Walau apa pun pengisytiharan oleh Menteri di bawah seksyen 28, apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan yang sedia ada atau mana-mana bahagian daripadanya dalam mana-mana premis berlesen boleh dengan kelulusan Menteri terus digunakan bagi maksud-maksud itu dengan syarat bahawa Menteri berpuas hati penggunaan yang berterusan itu tidak mendatangkan bahaya kepada keselamatan nyawa atau harta.

(2) Apa-apa permohonan bagi kelulusan yang tersebut di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri dalam masa sembilan puluh hari dari tarikh suatu perisytiharan di bawah seksyen 28 disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur atau pemasangan tertentu itu atau mana-mana bahagian daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

[Gan. Akta A807: s. 16]

(3) Bagi maksud seksyen ini, "premis berlesen" ertinya premis berlesen bagi menstor petroleum di bawah mana-mana undang-undang yang tersebut di bawah seksyen 48.

33. Pembedulan kelengkapan, dll. dalam premis berlesen.

(1) Apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan yang sedia ada atau mana-mana bahagiannya yang tersebut di bawah seksyen 32, selain dari yang ditentukan selamat untuk terus digunakan dengan atau tanpa syarat-syarat di bawah seksyen yang sama, tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud melainkan jika diperbetulkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan berhubung dengan kemudahan-kemudahan itu.

(2) (a) Pembedulan yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat tidak lewat daripada tiga tahun dari tarikh suatu perisytiharan di bawah seksyen 28 disiarkan dalam *Warta*.

[Pin. Akta A807: s.17]

(b) Menteri boleh menurut budi bicaranya membenarkan suatu lanjutan masa tidak lebih daripada dua tahun dari habis tempoh permulaan tiga tahun di bawah perenggan (a).

(c) Suatu permohonan bagi apa-apa lanjutan masa yang tersebut di bawah perenggan (b) hendaklah dibuat kepada Menteri tidak lewat daripada enam bulan sebelum habis tempoh permulaan tiga tahun itu.

34. Kesalahan-kesalahan.

Mana-mana, orang yang menggunakan apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya dengan melanggar seksyen 33 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sebanyak dua ribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan.

BAHAGIAN IX KUASA-KUASA AM BAGI PEMBETULAN

35. Kuasa-kuasa am bagi pembedulan.

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Bahagian VII dan Bahagian VIII boleh menjejaskan kuasa Menteri untuk menghendaki pembedulan apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya dalam apa-apa tempoh sebagaimana dinyatakannya mengikut apa jua cara jika dia berpuas hati bahawa kegunaan kelengkapan, alat bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan itu atau mana-mana bahagiannya adalah membahayakan keselamatan nyawa, atau harta.

BAHAGIAN X LIABILITI

36. Liabiliti memverifikasikan.

Jika apa-apa pelan, lukisan, perihalan, hitungan, binaan, ujian atau kendalian berkenaan dengan mana-mana bangunan, pemasangan, kelengkapan atau radas yang digunakan atau dimaksud untuk digunakan bagi pengangkutan, penstoran atau penggunaan petroleum dikehendaki oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini supaya diverifikasikan maka pemverifikasian itu hendaklah dilakukan mengikut apa-apa bentuk sebagaimana ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu:

Dengan syarat bahawa pemverifikasian itu hendaklah termasuk suatu akujanji oleh orang yang membuat pemverifikasian itu untuk menerima tanggungjawab sepenuhnya berkenaan dengan bangunan, pemasangan, kelengkapan atau radas itu.

BAHAGIAN XI AM

37. Kuasa mewakilkan.

(1) Mana-mana orang atau pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah Akta ini boleh, dengan tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana orang atau pihak berkuasa itu fikirkan patut dikenakan, mewakilkan mana-mana dari kuasanya itu, kecuali kuasa-kuasa di bawah seksyen 4, 19, 21 (1), 44 dan 45, kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa lain sebagaimana difikirkan patut dan wajar oleh orang atau pihak berkuasa yang mula-mula tersebut di atas.

(2) Mana-mana kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini boleh dibatalkan mengikut kehendak hati oleh orang atau pihak berkuasa yang memberikannya itu.

38. Perlantikan Inspektor.

(1) Menteri boleh melantik Inspektor-Inspektor sebagaimana difikirkannya perlu bagi maksud-maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan dan Inspektor-Inspektor itu hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

(2) Seseorang Inspektor hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa pemeriksaan atau siasatan sebagaimana perlu untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi, dan bagi maksud itu dia –

(a) boleh selepas mengemukakan surat kuasa secara bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Jabatannya untuk melaksanakan kemasukan itu, memasuki, meneliti dan memeriksa pada setiap masa yang munasabah pada waktu siang atau pada waktu malam mana-mana premis berlesen, dan tiap-tiap bahagiannya, dan mana-mana premis di mana petroleum disimpan, atau yang dia mensyaki ada tersimpan, dengan melanggar peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

(b) boleh menghendaki penduduk mana-mana premis yang dia berhak memasuki atau semua orang yang diambil kerja di dalamnya oleh penduduk itu, memberi kepadanya sampel mana-mana petroleum yang dijumpai di premis itu;

(c) boleh menghendaki pengemukaan rekod, perakuan, notis dan dokumen yang disimpan menurut Akta ini dan apa-apa jua pun dan untuk meneliti, memeriksa dan membuat salinan dari mana-mana daripadanya; dan

(d) boleh menghendaki supaya sesuatu pengendalian sama ada secara langsung atau secara tak langsung berkaitan dengan pengangkutan, penstoran atau penggunaan petroleum dalam mana-mana premis dihentikan, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pengendalian yang berterusan akan memudaratkan keselamatan nyawa atau harta, atau menyebabkan tidak boleh dikendalikan apa-apa kelengkapan, alat, bahan, loji, perkakas, bangunan, struktur dan pemasangan atau mana-mana bahagiannya yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dengan melekatkan suatu meterai atau dengan cara-cara lain yang disifatkannya paling sesuai bagi maksud itu.

(3) Penduduk mana-mana premis yang tersebut di atas, ejennya dan mana-mana orang yang diambil kerja olehnya hendaklah memberi cara yang dikehendaki oleh seseorang Inspektor sebagaimana perlu bagi kemasukan, penelitian dan pemeriksaan itu yang dia berhak membuat di bawah Akta ini.

(4) Jika mana-mana orang tidak membenarkan seseorang Inspektor memasuki, meneliti atau memeriksa seperti tersebut di atas, atau tidak mematuhi apa-apa kehendak seseorang Inspektor seperti tersebut di atas atau dengan apa-apa cara menghalang Inspektor itu dalam melaksanakan kewajibannya, orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "premis" meliputi semua vesel dan kenderaan yang tersebut di bawah Bahagian II, Bahagian III dan Bahagian IV.

39. Sampel dan ujian.

Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh mana-mana pihak berkuasa atau orang yang tersebut di bawah seksyen 19 atau mana-mana Inspektor –

(a) boleh mengambil sampel mana-mana petroleum daripada mana-mana peniaga di dalamnya atau daripada mana-mana orang yang menyimpan petroleum bagi maksud-maksud apa-apa perdagangan atau perindustrian, atau boleh setelah mengemukakan salinan pemberian kuasanya mengenai seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa yang tersebut di bawah seksyen 19, menghendaki peniaga itu atau orang-orang lain menunjukkan kepadanya tiap-tiap tempat dan apa-apa bekas atau bejana di mana petroleum yang ada dalam miliknya disimpan dan untuk memberi kepadanya sampel-sampel petroleum itu apabila dibayar nilainya; dan

(b) boleh menguji atau menyebabkan diuji di mana-mana tempat yang sesuai dan pada masa yang munasabah sebagaimana ditetapkannya apa-apa sampel yang diperolehinya sedemikian itu.

40. Kemasukan, dsb. bebas tanpa dihalang.

(1) Berkenaan dengan mana-mana tempat yang dikena periksa di bawah Akta ini, mana-mana orang yang tinggal di dalam atau yang menjaga tempat itu hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana Inspektor di bawah Akta ini atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan membenarkannya masuk bebas dan tanpa dihalang dan memberikan semua kemudahan yang sewajarnya bagi pemeriksaan di dalam tempat itu.

(2) Jika jalan masuk ke tempat itu tidak diperolehi, mana-mana Inspektor atau pegawai polis itu boleh

(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam atau tingkap mana-mana tempat;

(b) secara paksa memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya; dan

(c) membuang dengan paksa apa-apa halangan terhadap kemasukan atau jalan masuk itu.

41. Liabiliti ejen dan pengkhidmat.

Apabila mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dikenakan, di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan, apa-apa hukuman, penalti atau lucuthak bagi apa-apa perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau kemungkiran, dia boleh dikenakan hukuman, penalti atau lucuthak yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau kemungkiran yang serupa bagi mana-mana ejen atau pengkhidmat yang diambil kerja

olehnya dalam perjalanan perniagaannya sebagai orang-orang yang diberi lesen, dan tiap-tiap ejen atau pengkhidmat yang diambil kerja oleh seseorang yang diberi lesen di bawah Akta ini, dalam perjalanan perniagaan di bawah lesen-lesen itu boleh juga dikenakan tiap-tiap hukuman, penalti atau lucuthak yang ditetapkan bagi perbuatan, ketinggalan, kecuaiian atau kemungkiran itu yang berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dengan sepenuh dan berkesannya seolah-olah ejen atau pengkhidmat itu adalah orang yang telah diberikan lesen tersebut.

42. Pembatalan lesen, dll.

(1) Orang atau pihak berkuasa yang memberi mana-mana lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutan di bawah Akta ini boleh, jika orang atau pihak berkuasa itu berpuas hati bahawa -

(a) radas atau premis yang diberi lesen, permit atau kelulusan sedemikian telah menjadi tak layak yang bagi maksudnya ia telah diberi lesen, permit atau kelulusan;

(b) orang yang kepadanya lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutan itu diberikan telah melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutan itu; atau

(c) penerusan lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutan itu adalah bertentangan dengan keselamatan awam,

meminta pemegang lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutan supaya menunjukkan sebab mengapa lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutannya tidak patut dibatalkan.

(2) Seseorang yang diminta menunjukkan sebab di bawah subseksyen (1)-

(a) hendaklah diberikan butir-butir secara bertulis yang menjadi asas dia diminta menunjukkan sebab oleh orang atau pihak berkuasa, mengikut mana yang berkenaan; dan

(b) boleh, jika dia kehendaki sedemikian, hadir di pembicaraan itu atau diwakili di pembicaraan itu oleh seorang lain yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

(3) Jika selepas pembicaraan, orang atau pihak berkuasa itu, mengikut mana yang berkenaan, berpendapat bahawa orang yang diminta menunjukkan sebab telah tidak berbuat demikian, maka orang atau pihak berkuasa itu boleh, walau pun terdapat apa-apa prosiding jenayah yang mungkin dibawa terhadap orang yang diminta menunjukkan sebab itu, membatalkan lesen, permit, kelulusan atau tempoh lanjutannya.

(4) Subseksyen (1) tidaklah menyentuh kuasa orang atau pihak berkuasa yang tersebut dalamnya untuk menggantung lesen, permit kelulusan atau tempoh lanjutan sementara menanti keputusan pembicaraan menunjukkan sebab itu, jika orang atau pihak berkuasa itu fikirkan sesuatu tindakan seperti itu sebagai bermanfaat dan perlu mengikut hal-hal keadaan kes itu.

43. Rayuan kepada Menteri.

(1) Jika mana-mana orang terkilan dengan apa-apa keputusan atau apa-apa pembatalan atau apa-apa syarat yang dikenakan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah Akta ini untuk memberi apa-apa lesen, permit atau kelulusan, dia boleh dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan keputusan atau lesen, permit atau kelulusan itu merayu kepada Menteri.

(2) Atas rayuan, Menteri boleh menerima apa-apa keterangan sebagaimana difikirkannya perlu dan boleh mengesahkan, memansuhkan atau mengubah keputusan atau syarat-syarat yang dibuat atau dikenakan oleh orang atau pihak berkuasa yang memberikan lesen, permit atau kelulusan itu.

(3) Bagi maksud memberi apa-apa nasihat atau bantuan yang mungkin diperlukan oleh Menteri bagi membolehkannya menimbangkan apa-apa rayuan di bawah subseksyen (1), Menteri boleh melantik pegawai atau pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran-kemahiran lain yang sesuai, sebagaimana difikirkannya perlu dan pegawai atau pegawai-pegawai itu hendaklah mempunyai kuasa memeriksa mana-mana premis untuk membolehkannya atau mereka menasihati atau membantu Menteri dengan berkesannya.

44. Kuasa Menteri memberi pengecualian.

(1) Menteri boleh, melalui perintah, sama ada dengan bersyarat atau secara mutlak, mengecualikan mana-mana orang, kenderaan, vesel atau tempat daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tanpa menyentuh peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Menteri boleh melalui perintah mengecualikan daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya apa-apa petroleum di bawah kawalan –

(a) Angkatan Tentera dan Polis Di Raja Malaysia Persekutuan, dan mana-mana angkatan lain yang berada secara sah di sisi undang-undang di Persekutuan; dan

(b) Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan sesuatu Negeri.

45. Kuasa am membuat peraturan-peraturan.

Tanpa menyentuh kuasa-kuasa Menteri yang diberi di bawah Akta ini, dia boleh membuat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah -

(a) bagi menetapkan ujian-ujian yang hendak dikenakan bagi semua petroleum untuk menentukan titik nyalanya, dan cara-cara pemakaiannya;

(b) bagi menentukan pengelasan petroleum atau mana-mana daripada berbagai jenis cecair yang tersebut dalam seksyen 2;

(c) bagi mengawalselia pelesenan dan pengurusan tempat-tempat bagi penstoran petroleum;

(d) bagi mengawalselia pemuatan dan pemungghahan dan pelepasan petroleum;

[Pin. Akta A807: s.18]

(e) bagi mengawalselia keselamatan pengangkutan petroleum;

(f) bagi menetapkan pembinaan dan bahan-bahan mana-mana tempat dalam mana petroleum boleh distor;

(g) bagi mengawalselia cara bagaimana petroleum hendak distor;

(h) bagi menetapkan prosedur, kelengkapan, bahan, perkakas dan alat yang akan digunakan untuk mencegah atau memadam kebakaran dalam mana-mana tempat;

(i) bagi membuat peruntukan mengenai perlindungan premis yang bersempadan dengan tempat-tempat yang dilesen;

(j) bagi menetapkan syarat-syarat dan sekatansekatan yang akan dikenakan ke atas vesel-vesel yang tiba di mana-mana pelabuhan selepas membawa petroleum sebagai sebahagian atau kesemua kargo terakhirnya;

(k) bagi menetapkan fee bagi lesen-lesen dan permit-permit yang boleh dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

[Pin. Akta A807: s.18]

(l) [Dipotong oleh Akta A807: s.18]

(m) bagi menetapkan tempat berlabuh petroleum di mana-mana pelabuhan;

[Pin. Akta A807: s.18]

(n) bagi menetapkan piawaian dan cara pembinaan dan bahan-bahan yang digunakan bagi talian paip;

(o) bagi menetapkan kelayakan-kelayakan yang hendak diperolehi oleh orang-orang sebelum mereka boleh ditempatkan untuk menjaga atau diamanahkan dengan penjagaan atau pengurusan pemasangan tertentu atau sebelum mereka boleh terus menjalankan kerja tertentu yang berkaitan dengan petroleum atau keluaran petroleum;

(p) bagi menetapkan jenis peperiksaan, latihan dan ujian bagi pengawardan perakuan dalam perenggan (o) tersebut di atas, bentuk perakuan itu, cara dan pengeluarannya, dan fee-fee yang kena dibayar bagi peperiksaan dan perakuan itu dan bagi menetapkan cara dan hal keadaan dalam mana perakuan itu boleh diubahsuai, digantung atau dibatalkan; dan

(q) amnya bagi menjalankan maksud Akta ini.

46. Kuasa Menteri menetapkan tata amalan.

(1) Menteri boleh melalui perintah menetapkan tata amalan bagi maksud-maksud Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Apabila tata amalan itu disiarkan dalam *Warta*, tata amalan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa undang-undang dan hendaklah menjadi peraturan-peraturan di bawah Akta ini.

47. Fee yang dipungut.

Fee berkenaan dengan mana-mana lesen atau permit di bawah Bahagian VI atau mana-mana peraturan yang dibuat berkenaan dengan Bahagian itu dan dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Menteri hendaklah menjadi hasil pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa atau mana-mana orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengeluarkan lesen atau permit itu.

[Gan. Akta A807: s.19]

48. Pemansuhan.

(1) Ordinan Petroleum 1949 [Ord.46/49.] dan Ordinan Petroleum 1960 bagi Sabah [Ord.Sabah 21/60.] adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Apa-apa peraturan, kaedah, perintah atau pemberitahuan yang dibuat di bawah undang-undang yang tersebut di bawah subseksyen (1) hendaklah, setakat mana ianya tak berlawanan dengan Akta ini, terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan atau digantikan dengan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

JADUAL

Seksyen 2 (1))

1. Metana, etana, propana, butana atau hidrokarbon yang mungkin mengandungi satu atau lebih gas di atas sama ada dalam bentuk gas atau cecair.
2. Gasolin.
3. Nafta.
4. Reformat.
5. Kerosin.
6. Diesel.
7. Minyak Bahan Api.
8. Minyak Bes.
9. Minyak Pelincir.
10. Asfalt/Bitumin
11. Gris dan Lilin.

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-Undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
Akta A663	Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan)(Pindaan) 1987	16-1-1987
Akta A807	Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan)(Pindaan) 1991	2-12-1991